



## BUKAN LAGI UNTUK SEMUA

*Moratorium lanjutan hanya perlu diberi secara bersasar kepada individu terjejas*

Oleh Sri Ayu  
Kartika Amri  
kartika@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

**K**eputusan lanjutan moratorium perlu mengambil kira situasi ekonomi perniagaan (sektor kewangan) dan ekonomi rakyat.

Pakar Ekonomi, Prof Madya Dr Mohd Yusof Saari berkata, sebelum ini moratorium dilaksanakan secara 'pukul rata' iaitu semua

pihak mendapat manfaat walaupun ada sektor perniagaan dan rakyat yang hanya terkesan sedikit.

Katanya, moratorium sebelum ini adalah situasi pemberian moratorium tidak bersasar.

"Bergerak ke hadapan iaitu tempoh masa selepas enam bulan moratorium tidak bersasar, moratorium boleh dipertimbangkan dengan pendekatan yang lebih bersasar.

"Ia bermaksud pertimbangan hanya diberikan ke-

pada mereka yang benar-benar terkesan dan masih menghadapi beban kewangan yang teruk.

"Tidak boleh lagi diberikan kepada semua kerana ekonomi sudah pun menunjukkan perkembangan positif.

"Dan hampir keseluruhan tenaga kerja sudah kembali ke pasaran," katanya kepada Bisnes Metro.

Menurutnya, tempoh lanjutan moratorium bersasar perlu ditentukan oleh pihak bank dan peminjam.

Beliau berkata, baiknya juga, jika kerajaan melalui Bank Negara Malaysia (BNM) menyediakan garis panduan kepada kedua-dua pihak.

"Selain daripada lanjutan moratorium, langkah memanjangkan tempoh pembayaran dengan kadar pembayaran yang lebih rendah boleh dipertimbangkan oleh bank.

"Justeru situasi menang-menang antara bank dan peminjam per-

lu ada bagi memastikan semua pihak sama-sama memperoleh manfaat dan pada masa sama, sama-sama menanggung beban dan risiko," katanya.

**Tidak boleh lagi diberikan kepada semua kerana ekonomi sudah pun menunjukkan perkembangan positif**

Dr Mohd Yusof

